

## **KELESTARIAN WAKAF DALAM MEMBANGUNKAN INSTITUSI PENDIDIKAN: KAJIAN AWAL**

**Raja Nor Ashikin binti Raja Ramli<sup>1</sup>, Dr Nor ‘Adha binti Abd Hamid <sup>2</sup>**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

shiqin@kuis.edu.my<sup>1</sup>, noradha@kuis.edu.my<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

*Sistem pendidikan* secara wakaf telah melahirkan golongan cendikiawan Islam yang berpengetahuan tinggi dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi. Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf mampu membantu meningkatkan taraf ekonomi, pendidikan dan sosial umat Islam. *Kelestarian* wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan perlu diberikan keutamaan bagi menjamin peluang kepada semua lapisan masyarakat yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Kertas kerja ini mengupas kelestarian wakaf dalam membangunkan sesebuah *institusi pendidikan* yang mampu bertahan dan menjana pembangunan dan kehidupan insan. Kajian contoh dan *model institusi* yang berdasarkan sistem wakaf seperti Universiti Al-Azhar (Mesir), Pondok Islam Darussalam Gontor (Indonesia), Universiti Al-Fateh (Turki) akan dibincangkan sebagai pemangkin dan peneraju kepada kelestarian wakaf institusi pendidikan di Malaysia.

**Kata kunci:** *sistem pendidikan, kelestarian, institusi pendidikan, model institusi.*

---

<sup>1</sup> MSc Transport Planning (UTM), Diploma Lanjutan Pengurusan Logistik (MAP), BA Syariah Al-Azhar dan Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pengurusan Yayasan, Wakaf dan Zakat, KUIS dan Pelajar Ph.D Islamiyyat, KUIS

<sup>2</sup> Ph.D (Law) UKM, LL.M IKM, LL.B (Hons) UIAM, Certificate In Corporate Secretarial Practices, YPM, Advocates & Solicitor, High

Court of Malaya (Non-Practising), Ahli Majlis Peguam Malaysia, Pengarah Pusat Pembangunan Penyelidikan, KUIS dan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan & Muamalah, KUIS

## PENGENALAN

Wakaf merupakan amalan soleh yang dilaksanakan untuk mendapatkan pahala yang berterusan selama mana harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan sepenuhnya sama ada bertempoh atau untuk selama-lamanya. Pada masa kini wakaf telah mula diperluaskan dalam pelbagai bentuk selain wakaf tanah, wakaf tunai, saham wakaf, wakaf saham, wakaf korporat dan sebagainya. Selagi mana ianya tidak bercampur dengan unsur-unsur penipuan dan riba maka ianya perlulah diuruskan dengan sebaiknya.

Wakaf boleh didefinisikan sebagai satu cara pengagihan harta yang diberikan kepada pihak tertentu dengan niat yang tertentu dan untuk dimanfaatkan secara berterusan. Pendidikan merupakan bidang yang perlu dititikberatkan melalui pelaksanaan konsep wakaf di mana natijahnya nanti mampu memberikan impak yang besar khususnya kepada pembangunan dan peningkatan ekonomi umat Islam. Wakaf juga mampu mendidik jiwa supaya bersedia untuk berkongsi kekayaan yang dimiliki dengan orang lain. Kemunculan wakaf pendidikan merupakan satu inisiatif baru di Malaysia di mana ianya telah lama dipelopori oleh negara-negara Timur Tengah seperti Mesir, Indonesia dan Turki.

Firman Allah SWT:

**Maksudnya:** “*Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*” (Surah Ali-Imran: 92)

Ayat ini menjelaskan bahawa kebaikan itu perlu disempurnakan dengan menafkahkan sebahagian daripada harta yang dimiliki dan disayangi untuk kemaslahatan ummah.

Sabda Rasulullah s.a.w.

”إِذَا مَاتَ أَبُنَّ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ، صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَذْعُو لَهُ.”

**Maksudnya :** " Apabila mati seseorang anak Adam itu, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang selalu mendoakan

kepadanya ".

( H. R. Muslim )

Berdasarkan kepada hadis tersebut, ilmu yang dimanfaatkan adalah merupakan satu cabang daripada pendidikan. Sesuatu ilmu itu dapat dimanfaatkan jika ada institusi pendidikan yang dibangunkan untuk membantu dalam melaksanakan konteks amal jariah dalam menuntut ilmu khususnya dalam usaha meringankan bebanan kewangan yang dikatakan menjadi faktor utama kepada permasalahan dalam menunntut ilmu khususnya bagi golongan yang kurang berkemampuan.

Pembangunan wakaf dilihat mampu menjadi sumber ekonomi utama bagi sesebuah institusi pendidikan dan mampu mengurangkan kebergantungan sumber kewangan kepada kerajaan sama ada negeri atau negara.

## **DEFINISI WAKAF PENDIDIKAN**

Wakaf pendidikan adalah merupakan sesuatu harta, barang, aset atau tunai yang diberikan kepada sektor pendidikan atau sesebuah institusi pendidikan sama ada secara berterusan atau tidak demi untuk kepentingan dan manfaat awam. Wakaf pendidikan diwujudkan untuk kelangsungan pembangunan ekonomi khususnya dalam bidang pendidikan dan membentuk dana berterusan tanpa terlalu bergantung kepada dana yang diberikan oleh kerajaan.

Wakaf pendidikan bukan merupakan suatu perkara baru kerana ianya telah lama diimplementasikan oleh beberapa negara Islam dan Barat. Potensi wakaf dalam usaha membangunkan ekonomi sesebuah institusi pendidikan seperti universiti masih belum diyakini dan dipraktikkan di Malaysia. Kewujudan wakaf hanya dipraktikkan untuk membangunkan sekolah-sekolah agama, sekolah pondok dan madrasah-madrasah yang mana jika dilihat pada sejarah sesebuah institusi pendidikan khususnya universiti sumbangan wakaflah yang banyak membantu dan memberikan kemudahan pendidikan kepada umat Islam. Kebergantungan sesebuah universiti kepada dana yang diberikan oleh kerajaan perlu dilihat semula dan untuk menjadi sebuah universiti yang berdikari konsep amalan wakaf perlu dilaksanakan demi kemajuan umat Islam.

## **KONSEP WAKAF PENDIDIKAN**

Masyarakat Malaysia masa kini masih lagi dibayangi oleh pemahaman bahawa wakaf adalah berorientasikan tanah terbiar atau pembinaan masjid dan surau. Namun sedikit sebanyak dengan wujudnya saham tunai dan saham wakaf telah memberikan pendedahan tentang konsep sebenar wakaf itu iaitu ianya tidak hanya tertumpu kepada pembinaan rumah-rumah Allah sahaja. Konsep yang dimainkan oleh wakaf pendidikan adalah untuk membantu membangunkan sesebuah institusi pendidikan melalui sumbangan yang diperolehi. Wakaf yang diterima adalah untuk sesebuah institusi pendidikan menjalankan urus tadbir, membantu kos operasi, membangun modal insan dan meninggikan taraf pendidikan umat Islam.

Pada zaman Rasullullah s.a.w dan para sahabat harta wakaf telah dibangun dan dikembangkan untuk membangunkan ekonomi dan pendidikan umat Islam. Universiti Al-Azhar di Mesir yang terkenal dengan pembiayaan melalui sumbangan harta wakaf dan telah melahirkan ramai cendikiawan Islam dari seluruh pelusuk dunia. Di England pula, Oxford Universiti juga telah dibangunkan atas model wakaf pendidikan. Walaupun wakaf tidak diwajibkan namun ia merupakan satu ibadat sunat yang memberikan pahala yang berterusan kepada penyumbangnya walaupun telah meninggal dunia. Justeru itu wakaf pendidikan adalah bertujuan untuk membantu membina sekolah atau universiti, bilik bacaan, perpustakaan, memperbaiki bangunan dan sebagainya.

## **ISU DAN PERMASALAHAN WAKAF PENDIDIKAN**

Konsep dan system yang terkandung di dalam wakaf telah terbukti berjaya menyediakan kemudahan awam bagi masyarakat Islam di samping mempertingkatkan pengurusan wakaf agar selari dengan keperluan semasa seperti mana dinyatakan oleh Mazrul Shahir Md Zuki (2012). Wakaf memainkan peranan penting bagi memenuhi keperluan kebajikan umat Islam di Malaysia dan pembangunan ekonomi negara terutamanya dalam mengurangkan kadar kemiskinan menerusi

agihan semula kekayaan, menyediakan perkhidmatan kesihatan, pelajaran, penubuhan pusat anak-anak yatim, masjid dan tempat kediaman bagi yang memerlukan (Asmak Ab Rahman (2009).

Salah satu bentuk wakaf yang telah terbukti berkesan terhadap pembangunan ummah ialah menerusi wakaf tunai. Wakaf tunai telah dilaksanakan semasa pemerintahan Khalifah Othmaniah iaitu seawal abad ke-15. Wakaf tunai juga membolehkan penyertaan lebih ramai lapisan masyarakat yang bersama-sama menyumbang ke arah peningkatan ekonomi dan pembangunan ummah. (Haslindar Ibrahim, Afizar Amir dan Tajul Ariffin Masron (2013). Wakaf tunai juga telah berjaya dilaksanakan di beberapa buah negara seperti Mesir, Kuwait, Bangladesh dan Indonesia. Wakaf tunai juga berpotensi sebagai alternatif kepada dasar-dasar awam yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membasmi kemiskinan. ( Mohd Umar Mohd Marzuki et al. (2012).

Perlunya pengurusan secara profesional terhadap harta-harta wakaf kerana diyakini dapat meningkatkan kualiti institusi wakaf serta membuka pelbagai peluang baru bagi memenuhi keperluan sosial umat Islam. Di samping itu kajian perlu dilakukan agar semua produk berasaskan wakaf dapat dilaksanakan bagi memenuhi keperluan penerima zakat dalam skala yang lebih besar. Contohnya menerusi wakaf tunai dan penerbitan sukuk musyarakah (Dr. Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid (2010).

Dana wakaf juga perlu dibentuk berlandaskan syariah dan undang-undang. Telah banyak produk wakaf kontemporari ditawarkan oleh pelbagai pihak seperti saham wakaf, penerbitan sukuk, wakaf tunai, pelan takaful wakaf, wakaf REIT, bon wakaf dan sebagainya. Pembentukan dana wakaf ini dapat memberi manfaat kepada negara terutama kepada penerima manfaat yang memerlukan. Walau bagaimanapun, semua produk berasaskan wakaf ini perlulah mematuhi hukum syarak. Pembentukan dana wakaf juga dapat memenuhi keperluan sosio ekonomi umat Islam. (Siti Mashitoh Mahamood (2007). Hal ini amat penting dalam memastikan kelangsungan institusi dan badan wakaf seiring dengan kehendak syariah.

Kajian oleh Dr Hj Ahmad Zaki (2006) juga melihat pengurusan harta wakaf di Malaysia termasuk aspek pembangunannya dan potensi harta wakaf dalam aspek pendidikan umat Islam di Malaysia termasuk cabaran-cabaran yang dihadapinya. Sumbangan wakaf dalam bidang pendidikan merupakan yang kedua terbesar selepas bidang keagamaan. (Kahf (2007)

## **KAJIAN AWAL KEHEBATAN INSTITUSI PENDIDIKAN BERWAKAF**

### **a) WAKAF PENDIDIKAN DI UNIVERSITI AL-AZHAR MESIR**

Universiti Al-Azhar (Mesir) merupakan sebuah universiti yang terulung di dunia dan telah berjaya melahirkan cendikiawan Islam dari seluruh pelusuk dunia. Menurut sejarah, Universiti dijadikan sebagai institusi pendidikan yang menawarkan pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti Hadith, Tafsir, Tauhid, Ulum Quran, Sejarah, Sastera, Bahasa dan sebagainya. Selama lebih 800 tahun Universiti Al-Azhar ini dibiayai melalui dana wakaf.

Universiti Al-Azhar ditadbir oleh Majlis Tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor dan Setiausaha. Bagi Majlis Tertinggi keanggotaannya terdiri daripada Rektor yang mempengerusikan majlis, Timbalan-timbalan Rektor, Dekan-dekan Kuliah, Wakil Kementerian Pendidikan dan beberapa orang ahli Mujamma' Buhuth serta beberapa orang yang berpengalaman dalam hal ehwal pentadbiran dan pembelajaran di Universiti al-Azhar.

Pembangunan universiti Al-Azhar pada awalnya telah dibiayai melalui dana wakaf dan sehingga kini ia masih lagi diasaskan dan ditadbir melalui sumber wakaf. Pelbagai pihak telah menyumbang dan berwakaf bagi memastikan kelestarian sistem pendidikan Islam di universiti terkemuka ini sentiasa terpelihara daripada anasir-anasir luar yang ingin melihat institusi pendidikan Islam musnah.

Universiti Al-Azhar di Mesir yang dibina pada tahun 975 M merupakan sebuah universiti yang tertua di dunia yang juga dibiayai sepenuhnya daripada sumber wakaf yang menyedia dan memberi pendidikan secara percuma daripada pendidikan rendah sehingga pendidikan universiti (Hashim, 1990). Pada tahun 1986, sejumlah £147,324,300 telah diperuntukkan oleh Universiti Al-Azhar untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan dan pendidikan termasuk perbelanjaan mengurus 55 buah fakulti yang sedia ada dengan 6,154 orang kakitangan tenaga pengajar (849 profesor, 819 profesor madya, 1,517 pensyarah, 1456 pembantu pensyarah dan 1,510 orang "readers") [Razali, 2005]. Al-Azhar bukan sahaja terkenal dengan sumbangannya kepada pembangunan pendidikan Islam tetapi juga kepada aktiviti-aktiviti dakwah di seluruh dunia (Al-

Habshi, 1991; Kahf, 2003).

Institusi wakaf di dunia Islam telah merosot kedudukannya kerana kelemahan pengurusan. Kertas Mufti Mesir menyatakan: "Hal ehwal wakaf di Mesir pada akhir kurun ke 19 hingga awal kurun ke 20, telah diabaikan sehingga kedudukan wakaf itu lemah, malah menjadi beban kepada Azhar."

Keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh pemerintah Mesir pada awal penubuhan universiti ini membuktikan bahawa peranan wakaf dalam membangunkan ummah melalui institusi pendidikan adalah sangat berkesan dan telah dilaksanakan sejak 800 tahun dahulu.

Pendidikan di Al-Azhar hanya menuntut pelajar membayar yuran pengajian yang amat rendah dan tidak membebankan pelajar. Konsep wakaf pendidikan yang ditonjolkan lebih kepada kesamarataan dalam menuntut ilmu dan meringankan bebanan kewangan pelajar. Atas konsep wakaf inilah pelbagai bangsa dan Negara berpusu-pusu untuk menimba ilmu di bumi Mesir yang barakah ini.

#### **b) WAKAF PENDIDIKAN DI GONTOR INDONESIA**

Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDSG) ditubuhkan pada 10 April 1926 adalah merupakan antara pondok pengajian di Indonesia yang mengamalkan konsep wakaf demi kelangsungan pendidikan. Pondok pengajian ini telah melahirkan ramai para ilmuan, ulama dan tokoh-tokoh masyarakat. Sistem pendidikan yang digunakan juga telah mendapat pengiktirafan daripada beberapa institusi di luar negara seperti Kementerian Pendidikan dan Pengajaran Republik Arab Mesir, Universiti al-Azhar Mesir, Kementerian Pengajaran Kerajaan Arab Saudi dan Universiti of Punjab Lahore Pakistan. Beberapa buah universiti luar negara juga turut sama mengiktiraf pengajian di PMDSG seperti Universiti Antarabangsa Islam Islamabad, UIAM, Universiti Damascus Syria dan beberapa universiti lain.

Lembaga tertinggi dalam pentadbiran dan pengurusan di Pondok Modern Darussalam Gontor adalah badan wakaf yang bertanggungjawab dalam aspek pendidikan dan pengajaran. Ianya diamanahkan kepada 15 orang alumni yang benar-benar memahami dasar dan hala tuju PMDSG. Pentadbiran baru akan dipilih pada setiap 5 tahun.

Pengurusan PMDSG ini terbahagi kepada 7 bahagian iaitu:-

1. Institut Studi Islam Darussalam (ISID),
2. Kulliyatul al-Mu'allimin al-Islamiyah (KMI),
3. Pengasuhan Santri,
4. Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM),
5. Ikatan Keluarga Pondok Modern (IKPM),
6. Pusat Latihan Manajemen dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM) dan;
7. Pondok-Pondok cawangan.

Sistem pengurusan wakaf yang telah diamalkan di PMDSG telah bertahan lama sejak dari tahun 1958. Hampir 56 tahun sistem wakaf telah dilaksanakan di PMDSG. Sistem yang berasaskan wakaf ini melahirkan rasa hak pemilikan bersama dan tanggungjawab semua pihak. Kelangsungan PMDSG menjadi tanggungjawab kepada semua umat Islam. Corak pentadbiran dan pengurusan yang dilaksanakan di PMDSG adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip ketelusan, akauntabiliti dan kebersamaan.

Dilihat dari sudut pandang lain PMDSG memupuk semangat kebersamaan antara semua pihak dan digunakan manfaat wakaf itu untuk menghidupkan institusi pendidikan. Ini amat berbeza dengan institusi pendidikan yang lain di mana hanya mementingkan keuntungan daripada manfaat yang lebih besar lagi iaitu melahirkan cendikiawan Islam.

Konsep wakaf pendidikan yang dilaksanakan di PMDSG adalah melalui badan wakaf yang menguruskan tanah-tanah wakaf melalui 3 cara iaitu tanah wakaf tersebut diusahakan sendiri oleh petani dan keuntungan dibahagaiakan sama rata iaitu 50-50. Cara kedua adalah menyewakan tanah wakaf kepada petani dan dibayar mengikut musim tanaman dikeluarkan. Cara ketiga adalah kiraan sewa yang akan dibayar oleh petani mengikut jumlah hasil yang diperolehi. Daripada tiga cara di atas, telah memberikan kesan yang amat membantu PMDSG berkembang dan mengukuhkan lagi sumber ekonomi institusi tersebut melalui sistem wakaf.

### c) WAKAF PENDIDIKAN DI TURKI

Di Turki, peranan wakaf sebagai penggerak ekonomi negara semenjak zaman Uthmaniyyah telah membuktikan kepada dunia bahawa wakaf mampu menyumbang kepada institusi pendidikan. Sebagai contoh, Yayasan kewartawanan dan penulis Turki diasaskan secara sukarela melalui dana

wakaf untuk menjalinkan hubungan antara etnik antarabangsa. Konsep suka berwakaf di Turki telah diterapkan di dalam jiwa di mana anak-anak kecil sentiasa diajar mengenai sifat tolong-menolong, berakhhlak mulia dan rajin bersedekah.

Terdapat sebanyak 142 buah universiti di Turki, 87 buah sekolah dan universiti di Cyprus dan masing-masing 800 dan 786 buah universiti di Cecennestan dan Azerbaijan telah dibangunkan dan dibiayai oleh sumber wakaf. Salah satu universiti yang terkemuka adalah Universiti Al-Fateh. Pada zaman pemerintahan Muhamad al-Fatih bin Murad, Sultan Muhammad II telah membuat perubahan dengan memastikan pusat-pusat pendidikan dibangunkan melalui sumber wakaf.

Antara salah satu contoh badan yang mempraktikkan sumber wakaf adalah Hizmet yang merupakan sebuah gerakan atau badan yang mempromosikan jalinan hubungan mesra antara masyarakat, ekonomi, kebudayaan dan agama. Hizmet telah berjaya menubuhkan institusi pendidikan, hospital, hotel, bank dan juga menerbitkan akhbar terbesar Turki iaitu Zaman. Keunikan wakaf di Turki adalah ianya tidak dikaitkan dengan ideologi politik atau agama akan tetapi ianya berdasarkan sifat tolong-menolong dan hormat-menghormati sesama insan.

#### **d) WAKAF PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

Di Malaysia, Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melaksanakan pembangunan harta-harta wakaf. Selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri-negeri, MAIN tidak mempunyai satu undang-undang bertulis yang boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan pengurusan harta wakaf.

Pengurusan wakaf mula menjadi sandaran undang-undang yang digariskan di dalam enakmen sebagaimana yang dinyatakan dalam enakmen pentadbiran negeri. Sebagai contoh Enakmen Wakaf Negeri Selangor pada tahun 1999 telah membuktikan bahawa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) amat memandang serius akan kepentingan wakaf khususnya di negeri Selangor.

Wakaf pendidikan sudah mula dikembangkan di Malaysia. Ini bertepatan dengan hasrat murni kerajaan Malaysia ingin melihat kurangnya kebergantungan dana kerajaan. Ulasan daripada Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin yang diambil dari artikel Berita

Harian 15 September 2009, bertajuk '*IPTA Perlu Menjana Pendapatan Sendiri*' "sudah tiba masanya institusi pengajian tinggi berdikari dan mengelak bergantung kepada dana kerajaan. Universiti perlu membantu kerajaan dengan mencari pendapatan sendiri menerusi pengkormesialan produk yang dihasilkan. Mereka perlu mencari pendapatan luar. Semua universiti memiliki kekuatan produk R&D dan saya yakin dengan kemampuan mereka menjana pendapatan sendiri. "Kita juga mahu R&D memanfaatkan masyarakat bukan hanya memberi nilai kepada universiti".

Kewujudan Universiti Wakaf Pertama di Malaysia iaitu Universiti Al-Bukhari telah menjadikan tanda tanya di kalangan masyarakat mengapakah Malaysia gagal mewujudkan sebuah universiti berorientasikan wakaf sebagaimana universiti terkemuka di dunia seperti di Mesir dan Turki.

## **KESIMPULAN**

Wakaf pendidikan perlu diaplikasikan berlandaskan konsep tidak bergantung kepada mana-mana sumber kewangan kerajaan yang mana lebih dikuasai oleh sistem politik. Sumber wakaf di Universiti Al-Azhar dan beberapa tempat lain di dunia membuktikan bahawa sistem pendidikan Islam mampu tersebar luas dengan memberikan keistimewaan kepada semua umat Islam yang ingin menimba ilmu secara talaqqi dan beradab. Wakaf pendidikan yang diamalkan di PMDSG juga membuktikan bahawa konsep berdikari melalui pembangunan harta wakaf dan ianya perlu diurus dan ditadbir dengan telus dan jujur. Wakaf pendidikan di Turki dikembangkan dan menjadi satu kewajipan umpama satu kewajipan membayar zakat dan mesti dilaksanakan. Rakyat memandang serius tentang keperluan berwakaf dan manfaat yang akan mereka terima hasil daripada wakaf tersebut. Huraian ini dapat merumuskan bahawa wakaf mampu membantu dalam memajukan sistem pendidikan sejak dahulu lagi dan banyak menyumbang kepada faktor positif keberlangsungan institusi pendidikan negara. Kini peranan yang lebih serius perlu dijalankan oleh semua pihak dalam memastikan wakaf diarus perdanakan dan relevan dilaksanakan.

## RUJUKAN

1. Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid (2010): Management and Development of the Awqaf Assests". Seventh International Conference –The Tawhidi Epistemology:Zakat and Waqf Economy, Bangi
2. Ahmad Zaki Hj Abd Latiff, Che Zuina Binti Ismail & Norzaidi Bin Mohd Daud (2006), "Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam Di Malaysia" (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).
3. Ahmad Zaki Abd Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail, "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", Jurnal Pengurusan Jawhar, 2: 2 (2008), 25-61.
4. Asmak Ab Rahman, "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia", dalam Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, jld. 17, bil.1/2009.
5. Ahmad Zaki Hj Abd Latif (2008), Pengurusan Institusi Pendidikan Wakaf, dalam Marohaini Yusoff *et. al* (ed), dalam Wakaf Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia, Pusat Penerbitan UPENA, UiTM: Shah Alam.
6. Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A (2005), Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren, PT Raja Gafindo Persada: Jakarta
7. Amir Hamzah Wirsoyukarto (1996), K.H. Imam Zarkasyi di Mata Umat, cet.1, Penerbit Gontor Press: Ponorogo Jawa Timur
8. Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A (2005), manjemen pesantren: Pengalaman Pondok Modern Gontor, , cet.2, Trimurti Press: Ponorogo Jawa Timur
9. Hashim, Rosnani (1990) Ekonomi & Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf. Jurnal Pendidikan Islam, 3 (1).
10. Haslindar Ibrahim, Afizar Amir dan Tajul Ariffin Masron: Cash Waqf: An Innovative Instrument for Economic Development. International Review of Social Sciences and Humanities Volume 6, No 1 2013.pp.1-7

11. Mohamad Ramzi bin Che Hariff @ Che Haris: Wakaf Produktif dalam Pembangunan Pendidikan: Kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia PROSIDING PERKEM VIII, JILID 3 (2013) 1302 - 1314 ISSN: 2231-962X Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju" Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013
12. Mohd Saharudin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Jamal Ali : Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia in *Jurnal Syariah* (2003) hal.78.
13. Mazrul Shahir Md Zuki (2012). Waqf and Its Role in Socio-Economic Development: (ISRA) International Journal of Islamic Finance • Vol. 4 • Issue 2 • 2012.
14. M. Jandra bin Moh. Janan (2008), Memproduktifkan Wakaf: Pengalaman Indonesia, dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf, Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan MAIDAM, Pada 18-19 Oktober 2008.
15. Mustafa Bilge, *İlk Osmnali Medresesi*, İstanbul Üniversitesi Edebiyat Fakültesi Yayınları, İstanbul, 1984.
16. Siti Mashitoh Mahamood (2007), "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 15:2 [2007] pp. 61-83
17. Syed Mohd. Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa :Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia, \*2 *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010* 138.
18. [http://ms.wikipedia.org/wiki/Universiti\\_al-Azhar](http://ms.wikipedia.org/wiki/Universiti_al-Azhar).